



TERMA DAN SYARAT LESEN PEMANDU PELANCONG

DI BAWAH PERATURAN BAHAGIAN IV PEMANDU PELANCONG PERINTAH PELANCONGAN, 2016

1. Pemohon hendaklah memohon Lesen Pemandu Pelancong ke Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam tempoh **enam (6)** bulan selepas lulus Kursus Asas Pemandu Pelancong daripada institusi Pelancongan yang telah pun dilantik.
2. Pemegang lesen mestilah menjalankan perkhidmatan aktiviti pemanduan pelancong secara sepenuh masa atau sambilan melalui ejen pelancongan yang berlesen dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan.
3. Pemegang lesen pemandu pelancong tidak dibenarkan untuk menawarkan, mengiklankan dan menjual pakej lawatan **secara langsung** kepada pelancong-pelancong. Jabatan Kemajuan Pelancongan hanya membenarkan aktiviti penjualan pakej lawatan melalui ejen pelancongan yang berlesen.
4. Pemegang lesen tidak boleh menyerahkan, memindah, menukar milik atau menjual hak-hak dan kewajipan yang terkandung dan yang dipersyaratkan dalam lesen kepada mana-mana pihak.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan lencana pemandu pelancong yang dimiliki diperbaharui sebelum tamat tempoh sah laku iaitu **dua (2) bulan** sebelum tarikh mansuh.
6. Pemegang lesen hendaklah melaporkan secara bertulis dengan segera ke Jabatan Kemajuan Pelancongan jika berlaku sebarang kerosakan atau kehilangan lencana pemandu pelancong.
7. Pemegang lesen dikehendaki untuk memastikan lencana pemandu pelancong yang dimiliki tidak disalahguna oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.
8. Pemegang lesen hendaklah mengikuti kursus dan latihan Asas Pemandu Pelancong di institusi-institusi pendidikan yang telah dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
9. Pemandu pelancong yang berlesen hendaklah menjalankan perkhidmatan pemanduan pelancong sekurang-kurangnya **100 jam** setahun.
10. Lesen akan dibatalkan / digantung / ditarik balik serta merta oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan jika didapati:
 - i. Pemegang lesen warga asing yang tamat tempoh perkhidmatan dan tidak bekerja dengan ejen pelancong (majikan) tersebut.



TERMA DAN SYARAT LESEN PEMANDU PELANCONG

DI BAWAH PERATURAN BAHAGIAN IV PEMANDU PELANCONG PERINTAH PELANCONGAN, 2016

- ii. Pemegang lesen didapati memberikan maklumat yang salah dan yang melanggar tatasusila Negara Brunei Darussalam sebagai Negara yang berpegang dengan prinsip Negara Melayu Islam Beraja.
 - iii. Pemegang lesen yang melanggar mana-mana Kod Etika Pemandu Pelancong yang telah dipersyaratkan.
11. Jabatan Kemajuan Pelancongan akan memberikan notis pembatalan / penggantungan / penarikan balik lesen melalui persuratan rasmi tidak kurang dari **21 hari** dari tarikh penetapan penggantungan / penarikan / pembatalan lesen berkuatkuasa.
 12. Pemegang lesen berhak membuat rayuan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh penerimaan surat notis berkenaan.
 13. Pemegang Lesen yang digantung atau dibatalkan hendaklah menyerahkan kembali lencana pemandu pelancongnya ke Jabatan Kemajuan Pelancongan walaupun tempoh lesen belum mansuh.
 14. Lencana Pemandu Pelancong yang telah tamat tempoh / mansuh hendaklah diserahkan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan.
 15. Pemegang lesen hendaklah memaklumkan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan sekiranya tidak lagi berhasrat untuk memberikan perkhidmatan pemanduan pelancong.
 16. Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Perintah Pelancongan, 2016 dan Pertauran-Peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan yang berkuatkuasa pada masa ini.
 17. Pengarah Kemajuan Pelancongan berhak untuk menambah atau menubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa dan berhak membatalkan Lesen Pemandu Pelancong yang telah dikeluarkan.



**TERMA DAN SYARAT
LESEN PEMANDU PELANCONG**

**DI BAWAH PERATURAN BAHAGIAN IV PEMANDU PELANCONG
PERINTAH PELANCONGAN, 2016**

PENGAKUAN

Saya dengan ini telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi mana-mana peraturan yang telahpun ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan termasuk Terma dan Syarat Lesen Pemandu Pelancong di Bahagian IV Pemandu Pelancong di bawah Perintah Pelancongan, 2016.

Nama Pemohon _____

Majikan (jika berkenaan): _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Pengakuan ditandatangani di hadapan:

Nama Pegawai: _____

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Rujukan Bilangan Lesen Bagi Syarat dan Pengakuan ini:

Bil. Lesen: _____

Tarikh Mansuh: _____